

AUROXETIL

Cefuroxime axetil (125mg, 250mg, 500mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Apakah yang ada pada risalah ini

Kandungan risalah ini

1. Apakah kegunaan Auroxetil
2. Bagaimanakah Auroxetil berfungsi
3. Sebelum mengambil Auroxetil
4. Cara menggunakan Auroxetil
5. Semasa menggunakan Auroxetil
6. Kesan-kesan sampingan
7. Penyimpanan dan Pelupusan Auroxetil
8. Maklumat lanjut
9. Pengilang dan pemegang pasaran
10. Tarikh kemaskini RiMUP

Apakah kegunaan Auroxetil

Doktor anda telah tetapkan Auroxetil tablet untuk merawat salah satu daripada jangkitan yang disenaraikan di bawah:

- Jangkitan saluran respiratori bahagian atas (seperti jangkitan di dalam telinga, sinuses, tonsils dan tekak).
- Jangkitan saluran respiratori bahagian bawah (*pneumonia*, *acute bronchitis* dan *acute exacerbations chronic bronchitis*).
- Jangkitan pundi kencing.
- Jangkitan kulit, bisul yang berulang, ulser dan penyakit berjangkit pada kulit (*impetigo*).
- Penyakit kelamin (*Gonorrhoea*), penyakit radang saluran kencing gonococcal urethritis (*Gonococcal urethritis*) dan keradangan pada pangkal rahim (*Cervicitis*).

Bagaimana Auroxetil berfungsi

Auroxetil ialah antibiotik dan tergolong dalam kumpulan ubat yang dikenali sebagai 'cephalosporin'. Ianya aktif terhadap pelbagai jenis bakteria. Ianya digunakan untuk merawat sesetengah jenis jangkitan dan juga berfungsi dengan membunuh sesetengah jenis bakteria.

Sebelum mengambil Auroxetil

- Bila tidak boleh mengambil

Jika anda hipersensitif (alergi) kepada kumpulan antibiotik Cephalosporin atau mana-mana kandungan lain yang mengandungi Auroxetil.

Sila beritahu doctor anda sekiranya anda tidak pasti mengenai mana-mana yang berikut: doctor anda akan menasihati anda.

- Sebelum mula mengambil

Beritahu doctor anda sebelum mula mengambil ubat ini jika:

- Sebelum ini anda pernah mengalami tindak balas alergik kepada *penicillins* atau antibiotic beta-lactam yang lain.
- Anda mengalami situasi lain yang menyebabkan anda muntah dan cirit-birit kerana ia boleh menyebabkan ubat anda daripada tidak diserap sepenuhnya. Situasi seperti ini, doctor anda mencadangkan suntikan Auroxetil.

Jika selepas memulakan rawatan, anda mula mengalami symptom tindak balas alergik, berhentikan pengambilan ubat anda dan hubungi doktor dengan segera.

Jika semasa rawatan, anda mengalami penyakit dan cirit birit, hubungi doctor anda kerana ini boleh menghentikan ubat anda daripada diserap sepenuhnya. Ini menunjukkan anda mengalami situasi yang serious yang dikenali sebagai '*pseudomembranous colitis*'.

Ubat anda boleh menyebabkan pertumbuhan organisma yang berlaku secara semula jadi di dalam badan anda. Ini boleh membawa ke situasi lain seperti jangkitan faraj (*vaginal thrush*) dan gangguan perut.

Kehamilan dan penyusuan bayi

Ubat ini tidak sesuai untuk anda jika anda mengandung atau menyusukan bayi. Berbincang dengan doktor anda mengenai penggunaan Auroxetil jika anda mengandung atau merancang kehamilan.

Auroxetil dikeluarkan dalam susu ibu, berbincang dengan doktor anda sebelum menggunakan Auroxetil semasa menyusukan bayi.

- Jika mengambil ubat-ubat lain

Berbincang dengan doktor anda jika anda mengambil ubat yang boleh mengurangkan keasidan perut (seperti ubat untuk rawatan ketidakhadaman, pedih perut atau ulser perut). Ini boleh menghentikan ubat anda daripada diserap dengan sepenuhnya. Pengambilan Auroxetil boleh mengganggu sesetengah ujian perubatan termasuk yang digunakan untuk menentukan tahap gula dalam darah anda. Jika anda dijangka mempunyai ujian perubatan, pastikan doctor anda mengetahui yang anda telah mengambil Auroxetil sebelum ujian. Jika anda memantau kandungan glukosa dalam darah atau kencing (contohnya pesakit diabetik) berbincang dengan doktor atau ahli farmasi anda untuk mengetahui adakah ubat anda boleh menjejaskan keputusan ujian perubatan.

Cara menggunakan Auroxetil

- Berapa banyak harus diambil

- Sentiasa mengikut arahan dos yang disarankan oleh doctor. Label ubat biasanya akan memberitahu anda berapa banyak untuk mengambil dan berapa kerap. Auroxetil berfungsi dengan baik sekiranya diambil selepas makan. Jika anda tidak pasti, tanya doktor atau ahli farmasi anda.

AUROXETIL

Cefuroxime axetil (125mg, 250mg, 500mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Dos yang biasa ialah:

- Dewasa: Kebanyakan Jangkitan: 250 mg dua kali sehari.
- Kanak-kanak: Kebanyakan Jangkitan: 125 mg dua kali sehari, maksimum 250 mg setiap hari.
- Kanak-kanak ≥ 2 tahun: Otitis Media atau mana yang sesuai, dengan Jangkitan Lebih teruk: 250 mg dua kali sehari, maksimum 500 mg setiap hari.

- Bila perlu digunakan

Anda perlu mengambil ubat seiring dengan makanan atau sertamerta selepas makan. Anda perlu menelan ubat dengan segelas air.

-Berapa lama perlu digunakan Pastikan anda mengambil Auroxetil sehingga tamat tempoh rawatan, walaupun anda rasa anda telah sihat kerana pemberhentiannya boleh menyebabkan anda mendapat semula jangkitan tersebut. Sekiranya anda mempunyai sebarang persoalan mengenainya sila berjumpa doctor atau ahli farmasi anda.

- Jika terlupa menggunakan

Sila mengambil Auroxetil seperti yang ditetapkan oleh doktor. Sekiranya anda ketinggalan satu dos, sila mengambil dos yang ketinggalan secepat mungkin setelah anda ingat. Tetapi sekiranya tiba masa untuk dos yang seterusnya, abaikan dos yang ketinggalan dan kembali mengambil dos seperti biasa.

Jangan gantikan dos untuk menggantikan dos yang tertinggal. Sekiranya anda selalu lupa untuk mengambil ubat, sila beritahu kepada doctor atau ahli farmasi anda.

- Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Sekiranya anda dengan tidak sengaja mengambil terlalu banyak ubat, atau jika orang lain atau anak anda telah mengambil ubat anda, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda dengan segera.

Lebih dos cephalosporins boleh menyebabkan sawan.

Semasa menggunakan Auroxetil

-Perkara yang perlu dilakukan

Sekiranya anda tidak sihat atau anda bimbang mengenai kesan sampingan, anda perlu mendapatkan nasihat. Sekiranya anda terlalu sakit, sila dapatkan rawatan dengan segera. Sekiranya anda mempunyai sebarang ubat tersebut kepada ahli farmasi untuk process pembuangannya dengan selamat. Langkah seperti ini akan melindungi alam sekitar.

- Perkara yang tidak boleh dilakukan

Anda tidak patut mengambil ubat yang tamat tarikh tempohnya seperti yang dipaparkan pada bungkusan ubat.

Perkara yang perlu diberi perhatian rawatan dengan penggunaan antibiotik Cefuroxime Axetil tidak mungkin mengganggu keupayaan individu untuk memandu dan mengendalikan mesin.

- Perkara yang perlu diberi perhatian

Rawatan dengan antibiotik Cefuroxime tidak mungkin mengganggu keupayaan untuk memandu dan menggunakan mesin.

Kesan-kesan sampingan

Kesan sampingan Cefuroxime axetil adalah biasanya ringan dan tidak

kekal. Seperti cephalosporins lain, terdapat laporan jarang tentang reaksi kulit yang serius seperti

- *Erythema multiforme*
- *Stevens-Johnson syndrome*
- *Toxic epidermal necrolysis (exanthematic necrolysis)*
- Tindak balas hipersensitiviti termasuk ruam kulit, ruam kulit yang gatal, kegatalan, demam dadah, penyakit serum, dan jarang sekali, anafilaksis

Terdapat juga laporan yang jarang mengenai

- Thrombocytopenia (tahap platelet rendah)
- Leukopenia (penurunan bilangan sel darah putih, kadang-kadang yang mendalam)
- Penyakit kuning

Sebahagian kecil konsumer telah mengalami

- Gangguan gastrousus, termasuk cirit-birit, loya dan muntah-muntah
- *Pseudomembranous colitis*
- Sakit kepala
- Eosinofilia (peningkatan eosinofil dalam darah)
- Kenaikan fana tahap enzim hati

Cephalosporins sebagai suatu kelas boleh bertindak balas dengan darah dan menghasilkan ujian Coombs positif (yang boleh mengganggu cross-matching darah) dan jarang sekali, anemia hemolitik (pecahan abnormal sel darah merah).

Jika mana-mana kesan sampingan menjadi serius, atau anda mungkin mendapat kesan sampingan yang tidak disenaraikan di dalam kandungan risalah ini, sila beritahu doktor atau ahli farmasi anda.

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui No. Tel: 03-78835550, atau laman web npra.moh.gov.my (*Public → Reporting Medicinal Problems / Side Effects / AEFI/Vaccine Safety*).

AUROXETIL

Cefuroxime axetil (125mg, 250mg, 500mg)

Risalah Maklumat Ubat untuk Pengguna (RiMUP)

Cara penyimpanan dan pelupusan

Auroxetil

- Penyimpanan

Jauhi dari kanak-kanak. Jangan simpan lebih daripada suhu 30°C. Jangan menggunakan Auroxetil selepas tarikh luput seperti yang terdapat dalam karton/blister. Tarikh luput merujuk kepada hari akhir bulan tersebut.

- Pelupusan

Ubat-ubatan tidak patut dilupuskan melalui air sisa atau buangan isi rumah. Sila bertanya ahli farmasi anda, bagaimana cara untuk melupuskan ubat yang tidak digunakan. Langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat lanjut

- Rupa dan warna produk

Cefuroxime Axetil Tablets 125mg:
Putih ke putih kekuningan, tidak bersalut, kapsul berbentuk tablet dengan 'A32' debossed pada satu bahagian dan tidak bercorak pada bahagian lain.

Cefuroxime Axetil Tablets 250mg:
Putih ke putih kekuningan, tidak bersalut, kapsul berbentuk tablet dengan "A33" debossed pada satu bahagian dan tidak bercorak pada bahagian lain.

Cefuroxime Axetil Tablets 500mg:
Putih ke putih kekuningan, tidak bersalut, kapsul berbentuk tablet dengan 'A34' debossed pada satu bahagian dan tidak bercorak pada bahagian lain.

- Bahan-bahan kandungan

- Bahan aktif
Cefuroxime Axetil.
- Bahan inaktif
Microcrystalline cellulose (E460), croscarmellose sodium, sodium lauryl sulphate, hydrogenated vegetable oil dan colloidal silicon dioxide.

- Nombor MAL:

Auroxetil 125 mg: MAL11125015AZ

Auroxetil 250 mg: MAL11125016AZ

Auroxetil 500 mg: MAL11125017AZ

Pengilang

Aurobindo Pharma Limited,

Unit-VI, Survey No. 329/39 & 329/47, Chitkul (V), Patancheru Mandal, Medak District, Telangana State, India.

Regd. Office:

Plot No.: 2, Maitrivihar Ameerpet, Hyderabad – 500 038, Telangana State, India.

Pemegang Pendaftaran Produk

Healol Pharmaceuticals Sdn Bhd,
74-3, Jalan Wangsa Delima 6, KLSC
Wangsa Maju, 53300 Kuala Lumpur.

Tarikh kemaskini RiMUP

11/10/2017.

Nombor Siri

BPFK(R4/1)140717/00172